

27/10/2002

Kelantan minta kaji semula henti bantuan sekolah agama rakyat

KOTA BHARU: Kerajaan Pas Kelantan meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengkaji semula keputusan Kerajaan Pusat menghentikan sementara bantuan perkapita untuk semua sekolah agama rakyat.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata keputusan itu sebenarnya merugikan banyak pihak, bukan sahaja anak orang Pas tetapi juga anak orang Umno yang menjadi tenaga pengajar dan pelajar sekolah itu.

Katanya, jika Kerajaan Pusat boleh memberi bantuan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), adalah wajar bantuan sama diteruskan kepada sekolah agama rakyat untuk meningkatkan lagi syiar Islam.

Bagaimanapun, beliau percaya Perdana Menteri tidak berpendirian sedemikian, kecuali ada desakan pihak tertentu.

"Saya sedih dengan keputusan yang diberi (hentikan bantuan perkapita kepada Sekolah Agama Rakyat). Bagaimanapun, saya yakin hati kecil Perdana Menteri, dia tak begitu.

"Cuma boleh jadi, kalau di Kelantan, Umno Kelantan yang mendesak beliau supaya hentikan," katanya kepada pemberita ketika ditemui di kediamannya, di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas laporan Berita Harian semalam, mengenai keputusan kerajaan menghentikan sementara bantuan perkapita untuk semua sekolah agama rakyat, berikutan tindakan sesetengah sekolah terbabit menyalahgunakannya bagi tujuan politik.